

**Ucapan Taat Setia
YAB Datuk Haji Sulaiman bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka Ke-12
Sempena Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah
Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)
13 Mac 2020 (Jumaat), Masa: 1450 Petang
Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ke Hadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka;

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurinah binti Kassim;

1. Pertamanya bagi pihak Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurinah Binti Kassim kerana hadir sama di Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka pada petang Jumaat yang barokah ini.

2. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan bukan sahaja menambah seri majlis

ini tetapi juga melambangkan betapa besar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang di-Pertua Negeri terhadap rakyat dan negeri Melaka. Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

*Rimbun subur sepohon jati,
Tempat bermain puteri bestari;
Kehadiran Tun dan Toh Puan amat bererti,
Menjadikan majlis bertambah seri.*

Tuan Yang Terutama Tun;

3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kepercayaan serta keyakinan memberi perkenan dan melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke-12 pada 09 Mac 2020 lalu setelah Perikatan Nasional (PN) yang dianggotai parti-parti dari Barisan Nasional (BN), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Gagasan Sejahtera (GS) dan Gabungan Bersatu Sabah (GBS) berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baharu.

4. Di Melaka, turut serta ialah wakil rakyat dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan ADUN Pengkalan Batu menjadikan gabungan Perikatan Nasional Negeri sebanyak 17 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri sekali gus layak membentuk kerajaan negeri yang baharu.

5. Benarlah sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran, ayat 26:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ
تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ

Maksudnya: *“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan. Engkau berikan kerajaan kepada orang yang engkau kehendaki, Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya engkau maha kuasa atas segala sesuatu.”* (Surah Ali-Imran, Ayat 26).

Tuan Yang Terutama Tun;

6. Sesungguhnya, saya cukup insaf dan menjulang ucapan sebanyak-banyak dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana melimpahkan rahmat ke atas negeri Melaka ini dan kepada negara kita, Malaysia, dengan peralihan kuasa secara teratur dan licin, tidak seperti kebanyakan negara membangun lain.

7. Allah SWT telah bermurah hati memakbulkan doa-doa rakyat jelata supaya diberi sebuah kerajaan baharu apabila menganugerahkan keadaan yang tenang sepanjang peralihan kuasa ini.

8. Allah SWT juga telah memperkenankan supaya segala proses peralihan kuasa di peringkat nasional dan negeri-negeri berjalan dengan lancar tanpa sekecil mana sekalipun insiden yang tidak baik.

9. Justeru, saya sangat sedar bahawa segala kurniaan Allah SWT itu wajib dipikul dengan penuh tabah dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas, serta merangkumi fikiran, jiwa dan raga saya yang tidak lain melainkan mengharapkan sokongan, bantuan dan rahmat daripada Allah SWT sepanjang masa.

Tuan Yang Terutama Tun;

10. Sesungguhnya tugas, tanggungjawab serta amanah yang diberi kepada saya selaku Ketua Pentadbir Negeri serta kepada rakan-rakan EXCO Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri bukan sesuatu yang mudah. Ia sangat mencabar dan memerlukan ketelitian, apatah lagi melihat kepada senario pembangunan Melaka yang terus memacu dalam pelbagai sektor, serta cukup masyhur sebagai permata di rantau ini.

11. Saya dan Barisan EXCO kerajaan negeri yang baharu dilantik mengharapkan sokongan, nasihat serta panduan secara dekat dan berterusan daripada Tuan Yang Terutama Tun, agar kami dapat meneruskan kelangsungan mentadbir Kerajaan Negeri yang baharu, menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang harmoni dan selamat serta disenangi, melalui peningkatan kecekapan pentadbiran serta pembangunan dalam pelbagai sektor bagi menjulang kemahsyuran Melaka sehingga ke peringkat antarabangsa. Insya-Allah.

12. Tuan Yang Terutama Tun, seterusnya saya mohon izin untuk memperkenalkan senarai barisan EXCO Kerajaan Negeri Melaka yang baharu:

- **YB Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan;**
- **YB Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron;**
- **YB Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen;**
- **YB Datuk Muhammad Jailani Khamis;**
- **YB Datuk Latipah Omar;**
- **YB Datuk Roslan Ahmad;**
- **YB Datuk Norhizam Hassan Baktee;**
- **YB Tuan Rahmad Mariman; dan**
- **YB Datuk Noor Effandi Ahmad;**

13. Seterusnya saya mohon untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin sempena Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka.

Yang saya hormati Saudara Saudari Pengacara Majlis;

**Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas);**

**Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Jaafar,
Speaker Dewan Undangan Negeri;**

**Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan;
Setiausaha Kerajaan Negeri;**

**Yang Berhormat Datuk Lim Ban Hong,
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Komoditi;**

**Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin,
Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi;**

**Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Hamzah,
Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan;**

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri;

**Sahibus Samahah Datuk Wira Hj. Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri;**

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

Yang Berbahagia Tan Sri-tan sri, Puan Sri-puan sri;

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Agensi Peringkat Negeri dan Persekutuan;

Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan;

Seterusnya hadirin sekalian.

14. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, izin serta inayah-Nya, Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka dapat diadakan pada petang ini selepas kejayaan Perikatan Nasional (PN) Negeri membentuk Kerajaan Negeri yang baharu.

15. Bagi pihak Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8 dan kejayaan mendamaikan suasana politik tanah air sehingga berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baharu.

16. Tahniah juga kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baharu dilantik. Tanggungjawab serta amanah besar ini hendaklah dilaksanakan dengan

sempurna bagi menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri maju yang ditunjangi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

17. Sememangnya pentadbiran Perikatan Nasional (PN) faham akan perhatian berat rakyat mengenai perubahan yang berlaku pada masa kini. Seiring dengan matlamat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri akan mengutamakan kebajikan rakyat khusus dalam melaksana penyelesaian secara konkrit berkaitan isu air dan isu COVID-19.

18. Kerajaan negeri telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa *task force* menangani isu bekalan air berkuatkuasa serta-merta yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri bersama-sama dengan agensi berkaitan di Peringkat Negeri dan Persekutuan serta operator pengurusan air. Melalui *task force* ini, kita akan memantau secara dekat tindakan jangka pendek dan panjang yang telah, sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan keseluruhan krisis bekalan air di negeri ini. Kerajaan negeri juga akan melaksana kaedah baharu iaitu penyediaan *coastal reservoir* sebagai projek jangka masa panjang untuk mengatasi isu bekalan air. Saya memahami bahawa isu catuan bekalan air memberi tekanan kepada penduduk dan

isi rumah di kebanyakan kawasan di Melaka. Kerajaan Negeri akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian dalam usaha memulihkan bekalan air secara konkrit.

19. Begitu juga dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda di kebanyakan negara, secara tidak langsung telah memberi kesan kepada negara khususnya negeri Melaka sebagai negeri pelancongan. Berdasarkan statistik, saban tahun negeri Melaka menerima kehadiran pelancong China yang paling tinggi dalam kalangan pelancong asing. Mengikut statistik terkini (Januari hingga Februari 2020) kehadiran pelancong di Melaka telah mencatat pengurangan sebanyak 26.5 peratus (26.5%). Melalui pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini, diharap dapat menyuntik perkembangan ekonomi Melaka khususnya bagi membantu sektor pelancongan meraih manfaat lonjakan ekonomi sekiranya virus berkenaan dibendung. Dari segi kesiapsiagaan menghadapi COVID-19, kerajaan negeri telah mengambil langkah yang perlu di semua peringkat bagi pengurusan kes untuk diperkukuh di semua peringkat termasuk penyediaan pusat kuarantin.

20. Kerajaan negeri juga telah meneruskan agenda pembangunan negeri untuk meningkatkan pertumbuhan

ekonomi, menarik lebih banyak pelaburan baharu tempatan mahupun asing, meningkatkan peluang pekerjaan rakyat, merencanakan sektor pelancongan dan yang paling penting memperkasa dan memayungi “Kebajikan Rakyat” secara keseluruhan.

21. Tumpuan pelaburan baharu juga menjadi fokus utama kerajaan negeri dalam usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi Melaka. Sehingga September 2019, jumlah pelaburan negeri ialah sebanyak RM801.7 juta dengan RM537.8 juta pelaburan asing dan selebihnya RM263.9 juta pelaburan tempatan. Sehubungan itu, sasaran utama kerajaan negeri adalah untuk menarik semula keyakinan pelabur untuk kembali melabur ke negeri ini sekali gus dapat mencapai sasaran tahunan pelaburan negeri sebanyak RM5 bilion. Kelebihan yang ada di Melaka adalah dari segi kedudukannya yang terletak di lokasi strategik di Selat Melaka. Begitu juga dengan rangkaian hubungan yang baik menerusi jalan darat, air dan udara yang boleh dimanfaatkan untuk menarik lebih ramai pelabur khususnya dalam sektor industri, pembuatan, minyak & gas serta pelancongan.

22. Dalam usaha merencanakan pembangunan ekonomi sesebuah negeri dan negara, kita tidak hanya bergantung

kepada peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan kewangan negeri semata-mata, tetapi juga perlu kepada pelaburan daripada pihak swasta termasuk pelaburan asing. Secara prinsipnya, setiap pelaburan asing yang memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat, dapat menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan, wajar diteruskan.

23. Sektor pelancongan yang ketika ini menjadi nadi kepada ekonomi negeri dan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri turut juga diperkasa. Justeru, pentadbiran ini akan menambah baik produk pelancongan sedia ada, di samping mewujudkan produk pelancongan baharu yang lebih menarik, serta melaksanakan program yang dapat memikat lebih ramai pelancong menginap dan berbelanja di Melaka.

24. Sesungguhnya, siapapun kita, hakikatnya Negeri Melaka juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Pembudayaan integriti dengan aspek kepimpinan melalui teladan akan dititikberatkan bagi memastikan semua jentera kerajaan mengamalkan sikap anti rasuah. Ini akan membantu mewujudkan suasana ekonomi yang kondusif, meningkatkan daya saing dan kecekapan perkhidmatan

awam, merencanakan pelaburan serta memperkukuh sosio-ekonomi dan politik negeri.

25. Kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik, marilah kita bekerja bersama-sama untuk rakyat dan negeri Melaka, memastikan tanggungjawab yang diamanah dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, dengan memahami visi dan arah tuju pentadbiran kerajaan negeri.

26. Selepas ini, semua pihak sama ada Kerajaan Perikatan Nasional (PN) Negeri mahupun Wakil-wakil di pihak Bukan Kerajaan perlu bersama-sama dengan kerajaan yang baharu ini untuk terus bekerja membangunkan Malaysia amnya, dan Melaka khususnya, menjadi lebih maju dan lebih sejahtera.

27. Kepada semua penjawat awam negeri dan persekutuan, anggota keselamatan, agensi-agensi kerajaan negeri, badan berkanun, pihak swasta dan rakyat keseluruhannya, saya memohon agar kita semua dapat bekerjasama serta terus menyokong aspirasi kerajaan pimpinan Perikatan Nasional.

***Sungguh permai bumi Melaka,
Permata dunia destinasi pelancong;
Warisan terpuhara amanah dijaga,
Negeri berdaulat tetap dijunjung.***

Yang dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Bin Yaakob;

Yang Amat Berbahagia, Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurinah binti Kassim;

28. Demikianlah ucapan saya pada istiadat kali ini. Sekali lagi saya dan isteri mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas perkenan melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka ke-12 serta menyerikan lagi Majlis Istiadat Pengurniaan, Angkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka atau EXCO pada petang ini.

29. Saya dan barisan EXCO serta pentadbiran kerajaan negeri menjulang setinggi doa semoga Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob,

**Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Yang Amat Berbahagia
Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina Kassim serta
keluarga sentiasa mendapat kerberkatan, keistimewaan dan
kejayaan daripada Allah SWT.**

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-Tamat-